- (b) Orang yang Diinsuranskan hendaklah dengan segera mendapatkan dan bertindak berdasarkan nasihat perubatan yang sesuai dan Kami tidak bertanggungjawab jika rawatan atau perkhidmatan menjadi perlu disebabkan kegagalan Orang yang Diinsuranskan untuk berbuat demikian.

8. Tuntutan Tidak Lengkap

Semua tuntutan mestilah diserahkan kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah kejadian itu selesai yang baginya tuntutan dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan manfaat yang layak diterima tidak akan dibayar melainkan semua bil untuk tuntutan tersebut telah diserahkan dan dipersetujui oleh Kami. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dibayar untuk pembayaran balik. Apa-apa perubahan atau penepian bagi perkara tersebut akan ditentukan oleh Kami.

9. Mata Wang Bayaran

Semua bayaran di bawah Polisi ini akan dibuat dalam mata wang Malaysia yang sah. Jika Anda meminta apa-apa bayaran dibayar dalam mata wang lain, maka jumlah tersebut akan dibayar dalam mata wang yang diminta seperti yang boleh dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang yang digunakan pada tarikh penyelesaian tuntutan.

10. Sumber Dana; Tiada Pengubahan Wang; Tiada Pengelakan Cukai

Pemilik mewakili, menjamin dan mengesahkan kepada Kami bahawa:

- (a) semua amaun yang dilaburkan dalam Polisi ini telah atau akan diisytiharkan dengan betul kepada pihak berkuasa cukai yang berkenaan di bidang kuasa kediaman cukai Pemilik dan/atau mana-mana bidang kuasa lain yang perlu atau sesuai selaras dengan undang-undang dan peraturan berkaitan, dan
- (b) tiada dana yang diperolehi, secara langsung atau tidak langsung, dari aktiviti atau sumber haram dan/atau pengelakan cukai.

11. Salah-nyataan Maklumat; Hak Syarikat untuk Membatalkan Polisi dan Mengenakan Caj Penyerahan; Hak untuk Membekukan Bayaran Balik

Pemilik memaklumi bahawa jika berlakunya salah-nyataan maklumat dan jaminan yang terdahulu oleh Pemilik, Pemilik dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Kami wajib, sejauh yang diizinkan oleh undang-undang dan peraturan berkaitan, berhak untuk:

- (a) menamatkan Polisi dengan segera;
- (b) tanpa mengambil kira tarikh sebenar penamatan menurut klausa (a) di atas, mengenakan caj penyerahan maksimum dan apa-apa caj lain yang boleh dikenakan ke atas Pemilik di bawah Polisi ini, seolah-olah Polisi telah diserahkan serta merta selepas ianya dikeluarkan;
- (c) memberi notis kepada badan kerajaan yang berkenaan dan memberi semua maklumat yang dianggap perlu atau sesuai, di bawah budi bicara Syarikat Insurans mengenai Pemilik dan/atau Polisi; dan
- (d) sekiranya dianggap tepat selepas perundingan bersama para pegawai kerajaan dan penasihat undang-undang, sama ada
 - (i) mengembalikan premium ditolak daripadanya perbelanjaan perubatan yang mungkin telah dikeluarkan, nilai serahan jikalau ada dan caj-caj lain yang berkaitan dengan klausa (b) di atas ("Nilai Pulangan"), atau
 - (ii) jika diminta atau dikehendaki oleh badan kerajaan yang berkenaan, dibekukan atau dibayar kepada badan kerajaan yang berkenaan, semua atau sebahagian daripada Nilai Pulangan atau mengambil tindakan lain sepertimana yang diarah atau diminta oleh badan kerajaan yang berkenaan.

12. Klausula Sekatan

Tiada syarikat insurans akan dianggap menyediakan perlindungan dan tiada syarikat insurans akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau memberi apa-apa manfaat sehingga tahap peruntukan untuk perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau penyediaan manfaat tersebut yang akan mendedahkan syarikat insurans kepada sebarang sanksi, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat atau mana-mana penguatkuasaan undang-undang di mana-mana negara.

13. Cukai

Kami berhak mengenakan cukai seperti yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.

14. Dasar Kerjasama di antara Lembaga Hasil dan Badan-badan Kerajaan yang berkenaan; Keizinan untuk Mendedahkan Maklumat kepada Lembaga Hasil dan Badan-badan Kerajaan yang berkenaan

Kumpulan Generali dan Syarikat telah berpegang lama kepada dasar bekerjasama dengan Lembaga Hasil dan badan kerajaan lain dalam membanteras pengubahan wang haram, pengelakan cukai atau kegiatan haram yang lain. Dalam kes di mana Pemilik tidak tertakluk kepada pembayaran cukai penduduk di negara Polisi ini dikeluarkan (iaitu "Transaksi Melintasi Sempadan"), Kumpulan Generali mungkin akan memberitahu negara asal Pemilik bagi penjelasan cukai dan/atau badan kerajaan lain akan identiti Pemilik dan lain-lain maklumat tertentu berkaitan Polisi dan Pemilik dengan ini memberi keizinan dan bersetuju bahawa Kami mungkin membuat pendedahan tersebut.

15. Pindaan

Kami berhak meminda syarat dan peruntukan dalam Polisi ini dengan memberikan notis sembilan puluh (90) hari secara bertulis terlebih dahulu melalui emel atau pos biasa ke alamat emel atau alamat terakhir Anda yang diketahui dalam rekod Kami, dan pindaan tersebut akan terpakai dari pembaharuan berikutnya bagi Polisi ini. Pindaan kepada Polisi ini tidak sah melainkan jika dibenarkan oleh Kami dan kelulusan tersebut diendorskan padanya. Manfaat Polisi ini hendaklah dibaca tertakluk kepada pindaan tersebut.

16. Pengecualian

Tiada kegagalan atau kelewatan di pihak Kami dalam menjalankan apa-apa hak atau kuasa di bawah kontrak ini boleh beroperasi sebagai pengecualian daripadanya, mahupun mana-mana satu tindakan atau sebahagian daripada apa-apa hak atau kuasa itu menghalang mana-mana hak atau kuasa yang lain.

17. Pemilik Polisi

Anda boleh melaksanakan semua hak dan keistimewaan Polisi semasa hayat Orang yang Diinsuranskan. Anda boleh menukar Pemilik Polisi ini dengan menyediakan notis bertulis yang memuatkan di dalam borang yang Kami sediakan untuk dihantar kepada Kami di Pejabat Syarikat. Perubahan sedemikian sah hanya jika permohonan itu bertarikh dan ditandatangani oleh Kami di Pejabat Syarikat semasa Seumur Hidup Orang yang Diinsuranskan semasa Polisi ini masih berkuat kuasa dan permintaan tersebut telah disahkan dalam Polisi ini. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa bayaran yang Kami buat atau tindakan lain yang Kami ambil sebelum Kami menurunkan tarikh dan menandatangani permohonan tersebut.

18. Pengesahan, Maklumat dan Bukti

Semua sijil, maklumat, laporan perubatan dan bukti yang dikehendaki oleh Kami hendaklah diberikan atas perbelanjaan Orang yang Diinsuranskan, dan dalam borang tertentu yang dikehendaki oleh Kami. Walau bagaimanapun, semua notis yang perlu diserahkan oleh Anda seperti yang dikehendaki oleh Kami mestilah secara bertulis dan dialamatkan kepada Kami. Orang yang Diinsuranskan hendaklah, atas permintaan dan perbelanjaan Kami, menjalani pemeriksaan perubatan apabila perkara itu dianggap perlu.

19. Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan

Polisi ini akan berkuat kuasa selepas Tarikh Dikeluarkan yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi atau endorsemen, jika ada. Ulang Tahun Polisi hendaklah satu (1) tahun selepas Tarikh Polisi dan setiap setahun selepasnya. Pada setiap ulang tahun itu, Polisi ini boleh diperbaharui pada kadar premium yang berkuat kuasa pada masa itu dan Kami akan memberitahu Anda secara bertulis apa-apa perubahan dalam premium pembaharuan sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum perubahan itu berkuat kuasa.

Polisi ini akan diperbaharui mengikut pilihan Anda tertakluk kepada terma, syarat dan penamatan pada setiap ulang tahun Tarikh Polisi. Premium pembaharuan yang dibayar akan bertambah mengikut Umur dan tidak dijamin. Kami berhak menyemak kadar premium yang digunakan berdasarkan faktor risiko yang terpakai pada masa pembaharuan. Perubahan tersebut, jika ada, hendaklah terpakai kepada semua Pemilik tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka menurut penilaian risiko Kami.

Polisi ini boleh diperbaharui mengikut pilihan Anda sehingga berlaku mana-mana yang berikut:

- (a) Premium yang tidak dibayar atau premium yang tidak dibayar mengikut masa yang ditetapkan;
- (b) Penipuan atau salah nyata fakta penting semasa permohonan;
- (c) Polisi ini dibatalkan/diserahkan atas permohonan Anda;
- (d) Orang yang Diinsuranskan mencapai had Umur seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi; atau
- (e) Apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia.

20. Perubahan dalam Risiko

Orang yang Diinsuranskan hendaklah memberikan Kami notis bertulis dengan segera tentang apa-apa perubahan penting dalam pekerjaan, perniagaan, kewajipan atau tugasnya, dan membayar apa-apa premium tambahan yang dikehendaki oleh Kami.

21. Subrogasi

Jika Kami bertanggungjawab terhadap apa-apa bayaran di bawah Polisi ini, Kami akan mensubrogasi setakat bayaran tersebut bagi semua hak dan remedi Orang yang Diinsuranskan terhadap mana-mana pihak, dan berhak, atas perbelanjaan Kami untuk membuat dakwaan atas nama Orang yang Diinsuranskan. Orang yang Diinsuranskan hendaklah memberikan atau menyebabkan supaya diberikan kepada Kami, semua bantuan tertentu yang di bawah kuasanya, apabila Kami meminta untuk mendapatkan hak dan remedi, dan atas permintaan Kami, hendaklah melaksanakan atau menyebabkan supaya dilaksanakan semua dokumen yang perlu untuk membolehkan Kami mengambil tindakan guaman dengan berkesan atas nama Orang yang Diinsuranskan.

22. Sumbangan

Jika Orang yang Diinsuranskan mempunyai insurans lain yang melindungi apa-apa Penyakit atau Kecelakaan Anggota Badan yang diinsuranskan oleh Polisi ini, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap bahagian yang lebih besar bagi Penyakit atau Kecelakaan Anggota Badan tersebut daripada jumlah yang terpakai di bawah Polisi ini untuk menanggung jumlah penuh semua insurans yang sah yang melindungi Penyakit atau Kecelakaan Anggota Badan tersebut.

23. Naik Taraf Bilik dan Penginapan Hospital

Jika Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital pada kadar Bilik dan Penginapan Hospital yang diumumkan lebih tinggi daripada manfaat yang dia layak, maka Anda/Orang yang Diinsuranskan hendaklah menanggung perbezaan kadar Bilik dan Penginapan Hospital.

24. Perubahan Pelan

Apa-apa pertambahan atau pengurangan dalam perlindungan insurans untuk Orang yang Diinsuranskan, yang disebabkan oleh perubahan pelan akan hanya berkuat kuasa pada tarikh Ulang Tahun Polisi berikutnya dengan syarat Kami meluluskan perubahan tersebut. Sebarang peningkatan dalam perlindungan insurans akan tertakluk kepada bukti lanjut tentang kesihatan yang memuaskan Kami. Selepas perubahan pelan, Pembela Inflasi akan ditetapkan semula dan jumlah Pembela Inflasi terkumpul tidak akan dibawa kepada pelan yang dinaik taraf atau diturunkan.

25. Tempoh Tenang

Jika Anda tidak berpuas hati dengan Polisi ini atas apa-apa sebab, Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan menghantar emel kepada Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Polisi ini. Kami akan membatalkan Polisi ini dan membayar balik kepada Anda jumlah premium yang dibayar oleh Anda. Bagaimanapun, tiada bayaran balik akan diberikan jika tuntutan telah diserahkan.

26. Penyerahan

Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Polisi ini akan ditamatkan pada akhir bulan Polisi di mana Kami meluluskan permintaan Anda untuk pembatalan. Kami akan membayar balik kepada Anda sebahagian daripada premium (jika ada) seperti yang dinyatakan di bawah, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat di bawah Polisi ini:

Tempoh dari Ulang Tahun Polisi, Tidak melebihi	Mod pembayaran premium	
	Tahunan	Bulanan
15 hari*	90%	Tiada Pulangan
1 bulan	80%	Tidak Berkenaan
2 bulan	70%	
3 bulan	60%	
4 bulan	50%	
5 bulan	40%	
6 bulan	30%	
7 bulan	25%	
8 bulan	20%	
9 bulan	15%	
10 bulan	10%	
11 bulan	5%	
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Pulangan	

* Tidak terpakai untuk Tahun Polisi pertama.

27. Prasyarat terhadap Liabiliti

Pematuhan dan pelaksanaan sewajarnya terma, peruntukan dan syarat Polisi ini oleh Anda dan Orang yang Diinsuranskan dan setakat ia berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Anda dan Orang yang Diinsuranskan akan menjadi prasyarat terhadap apa-apa liabiliti Kami.

28. Prosiding Undang-undang

Tindakan undang-undang atau ekuiti tidak boleh dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan semula Polisi ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian bertulis diberikan menurut keperluan Polisi ini. Jika Orang yang Diinsuranskan gagal memberikan bukti kerugian yang diperlukan itu seperti yang ditetapkan oleh terma, peruntukan dan syarat dalam Polisi ini, maka Orang yang Diinsuranskan boleh, dalam tempoh tangguh selama satu (1) tahun kalendar dari tarikh bukti kerugian bertulis itu sepatutnya diberikan, mengemukakan bukti kerugian yang berkaitan kepada Kami dengan alasan yang meyakinkan kerana gagal mematuhi terma, peruntukan dan syarat Polisi ini. Penerimaan bukti kerugian tersebut akan ditentukan oleh Kami. Selepas tamat tempoh tangguh, Kami tidak akan menerima, atas apa jua alasan, bukti kerugian bertulis tersebut.

PERUNTUKAN PREMIUM DAN CAJ

1. Premium

Premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi adalah premium yang perlu dibayar pada tahun pertama kepada Kami. Premium mestilah dibayar dalam frekuensi pembayaran yang sama dan dibayar kepada Kami pada atau sebelum tarikh akhir.

2. Tempoh Tangguh

Anda diberikan tempoh tangguh selama tiga puluh satu (31) hari selepas tarikh akhir bayaran setiap premium. Polisi ini akan terus berkuat kuasa dalam tempoh tangguh.

Sekiranya premium masih belum dibayar selepas tempoh tangguh, Polisi ini akan luput.

3. Perubahan atau Penambahan Caj atau Fi

Kami mempunyai hak untuk mengubah atau mengenakan caj tambahan atau fi, dengan memberikan Anda notis awal secara bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh Ulang Tahun Polisi.

PERUNTUKAN MANFAAT

JADUAL MANFAAT

MANFAAT		Pelan 150	Pelan 100	Pelan 50	Pelan 20
Had Tahunan (terpakai untuk Bahagian A dan B)		RM150,000	RM100,000	RM50,000	RM20,000
Pembela Inflasi		Had Tahunan akan dinaikkan sebanyak 10% dari Had Tahunan permulaan pada akhir setiap lima (5) Tahun Polisi bermula dari Tarikh Dikeluarkan, tertakluk kepada maksimum 50% daripada Had Tahunan permulaan.			
Had Seumur Hidup		Tiada Had			
Deduktibel bagi setiap Penghospitalan (terpakai untuk Bahagian A dan B)		RM1,000			
Bahagian A Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan					
1	Bilik dan Penginapan Hospital (maksimum setiap hari)	RM250			
2	Unit Rawatan Rapi	Seperti caj yang dikenakan			
3	Fi Berkaitan Pesakit Dalam (a) Bekalan dan Perkhidmatan Hospital (b) Fi Pembedahan (c) Fi Pakar Bius (d) Dewan Bedah (e) Ubat Dipreskripsikan (f) Prosedur Diagnostik dan Fisioterapi (g) Lawatan Pakar Perubatan/Pakar (sehingga dua (2) lawatan sehari bagi setiap Pakar Perubatan/Pakar)	Seperti caj yang dikenakan			
4	Fi Ambulans	Seperti caj yang dikenakan			
5	Elaun Harian Penghospitalan akibat Kemalangan	RM50 sehari, sehingga tiga puluh (30) hari setiap Tahun Polisi			
6	Elaun Harian Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi	RM100 sehari, sehingga tiga puluh (30) hari setiap Tahun Polisi			
Bahagian B Manfaat Pesakit Luar					
7	Prosedur Pembedahan Harian	Seperti caj yang dikenakan			
8	Rundingan dan Prosedur Diagnostik (termasuk ubat-ubatan) (sehingga tiga (3) kali dan dalam tempoh tiga puluh satu (31) hari sebelum Penghospitalan)				
9	Penjagaan Selepas Penghospitalan dan Rawatan Fisioterapi (dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas keluar dari Hospital)				
10	Rawatan Kemalangan dan Kecemasan (sehingga tiga (3) kali untuk Mana-mana Satu (1) Hilang Upaya)				
Bahagian C Manfaat Khas					
11	Ganjaran Tanpa Tuntutan	RM60	RM50	RM30	RM20

KETERANGAN MANFAAT

Had Tahunan

Manfaat yang dibayar berkenaan dengan Perbelanjaan yang Layak yang ditanggung melebihi Deduktibel, jika ada, bagi rawatan yang diberikan kepada Orang yang Diinsuranskan bagi manfaat di bawah Bahagian A dan B semasa tempoh insurans terhad kepada Had Tahunan ditambah Pembela Inflasi terkumpul, jika ada, untuk mana-mana satu (1) Tahun Polisi tanpa mengambil kira jenis Hilang Upaya. Jika Had Tahunan ditambah Pembela Inflasi terkumpul, jika ada, telah dibayar sepenuhnya, semua perlindungan di bawah Bahagian A dan B dalam Jadual Manfaat akan tamat serta-merta dan tidak lagi akan dibayar untuk Tahun Polisi selebihnya.

Pembela Inflasi

Had Tahunan Pelan akan dinaikkan sebanyak 10% dari Had Tahunan permulaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat pada akhir setiap lima (5) Tahun Polisi bermula dari Tarikh Dikeluarkan. Jumlah manfaat ini tidak akan melebihi 50% daripada Had Tahunan permulaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Deduktibel

Jumlah Perbelanjaan yang Layak terkumpul yang ditanggung bagi setiap Penghospitalkan adalah tertakluk kepada amaun Deduktibel seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, di mana Anda akan bertanggungjawab untuk membayar amaun Deduktibel dan Kami akan membayar balik baki bagi Perbelanjaan yang Layak sekiranya terdapat lebih Deduktibel, jika ada, tertakluk kepada Had pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Deduktibel terpakai untuk manfaat di bawah Bahagian A dan B dalam Jadual Manfaat.

Manfaat yang diterangkan di bawah mungkin tertakluk kepada Had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

A. Bahagian A: Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan

1. Bilik dan Penginapan Hospital

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk penginapan bilik dan makanan, tertakluk kepada Had Pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jumlah manfaat sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh Hospital dalam tempoh Penghospitalan Orang yang Diinsuranskan, tetapi pembayaran manfaat tidak boleh melebihi, bagi mana-mana satu (1) hari, kadar manfaat Bilik dan Penginapan Hospital seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Orang yang Diinsuranskan hanya layak mendapat manfaat ini semasa dimasukkan ke Hospital sebagai Pesakit Dalam atau untuk Pembedahan Harian.

2. Unit Rawatan Rapi

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk bilik dan makanan sebenar yang ditanggung dalam tempoh Penghospitalan sebagai Pesakit Dalam di Unit Rawatan Rapi Hospital, tertakluk kepada Had pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini akan dibayar sama dengan bayaran sebenar yang dikenakan oleh Hospital.

Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital tidak akan dibayar bagi tempoh Penghospitalan yang sama apabila manfaat Unit Rawatan Rapi dibayar.

3. Fi Berkaitan Pesakit Dalam

Pembayaran balik caj yang ditanggung untuk Fi Berkaitan Pesakit Dalam seperti yang dinyatakan di bawah, dan tertakluk kepada Had pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat:

(a) Bekalan dan Perkhidmatan Hospital

Bayaran laporan perubatan, perkhidmatan kejururawatan am, sebarang cukai yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia ke atas bayaran Bilik dan Penginapan Hospital yang layak dan sebarang bayaran untuk perkhidmatan tambahan yang Perlu Dari Segi Perubatan dan barang yang berkaitan secara langsung dengan rawatan dan Orang yang Diinsuranskan menerima rawatan sebagai Pesakit Dalam atau untuk Pembedahan Harian. Pembayaran tidak akan dibuat untuk pengambilalihan, prosedur pengekstrakan dan penanaman tisu dan sel-sel (termasuk sel stem) yang diperlukan bagi rawatan.

(b) Fi Pembedahan

Bayaran Munasabah dan Biasa untuk Pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan dan dilakukan oleh Pakar atau Pakar Bedah, termasuk penilaian sebelum pembedahan, lawatan Pakar dan penjagaan selepas pembedahan apabila Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital sebagai Pesakit Dalam.

(c) Fi Pakar Bius

Bayaran Munasabah dan Biasa oleh Pakar Bius untuk ubat bius yang Perlu Dari Segi Perubatan.

(d) Dewan Bedah

Bayaran Munasabah dan Biasa bagi dewan bedah dan kelengkapan yang berkaitan dengan prosedur Pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan.

(e) Ubat Dipreskripsikan

Ubat Dipreskripsikan yang Perlu Dari Segi Perubatan dan berkaitan secara langsung dengan Hilang Upaya, tidak termasuk sebarang ubat tradisional dan komplementari, ubat tambahan, vitamin atau herba pemakanan.

(f) Prosedur Diagnostik dan Fisioterapi

Bayaran Munasabah dan Biasa untuk prosedur diagnostik Pesakit Dalam dan fisioterapi Pesakit Dalam yang berkaitan secara langsung dengan Hilang Upaya dan Perlu Dari Segi Perubatan di mana Orang yang Diinsuranskan menerima rawatan sebagai Pesakit Dalam.

(g) Lawatan Pakar Perubatan/Pakar

Bayaran Munasabah dan Biasa untuk lawatan Pakar Perubatan atau Pakar yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi Orang yang Diinsuranskan semasa dimasukkan ke Hospital sebagai Pesakit Dalam, tertakluk kepada maksimum dua (2) lawatan sehari bagi setiap Pakar Perubatan atau Pakar.

4. Fi Ambulans

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans domestik yang perlu (termasuk atendan) ke dan/atau dari Hospital Penghospitalan. Bayaran tidak akan dibuat jika Orang yang Diinsuranskan tidak dimasukkan ke Hospital dan tertakluk kepada Had pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

5. Elaun Harian Penghospitalan akibat Kemalangan

Sekiranya Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital dalam masa dua puluh empat (24) jam dari tarikh Kemalangan, untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi Kecederaan Anggota Badan yang diakibatkan oleh Kemalangan, Kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk setiap hari Penghospitalan, sehingga bilangan hari maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

6. Elaun Harian Penghospitalan di Unit Rawatan Rapi

Sekiranya Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Hospital, Kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk setiap hari Penghospitalan, sehingga bilangan hari maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Manfaat ini akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Elaun Harian Penghospitalan akibat Kemalangan.

B. Bahagian B: Manfaat Pesakit Luar

7. Prosedur Pembedahan Harian

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang dikenakan oleh Hospital atau pusat Pakar untuk Pembedahan Harian atau Prosedur Pembedahan Harian yang Perlu Dari Segi Perubatan dan dilakukan sebagai Pesakit Luar. Manfaat ini merangkumi semua semua perkhidmatan dan bekalan yang disediakan untuk prosedur tersebut dan tertakluk kepada Had pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Pembedahan Harian dan Prosedur Pembedahan Harian adalah merangkumi Pembedahan kecil seperti, tetapi tidak terhad kepada: adenoidotomi, artroskopi, bronkoskopi, bunionektomi, pembuangan katarak, kolesistektomi, kolonoskopi, angiografi koronari, endoskopi saluran pencernaan, pembesaran dan pengkuretan rahim, eksisi sista pilonodal, hemoroidotomi, pembetulan jari kaki hammer, laparaskopi, laringoskopi dan trakeoskopi, manipulasi lumbosakral, miringotomi, biopsi prostat, pengurangan hidung patah, pembetulan strabismus dan tonsilektomi, yang biasanya dilakukan di bahagian Pesakit Luar dengan selamat.

Sebarang Pembedahan Harian atau Prosedur Pembedahan Harian yang dilakukan untuk tujuan penyiasatan dan diagnostik yang tidak berkaitan dengan rawatan untuk sebarang Hilang Upaya adalah tidak dilindungi.

8. (a) Rundingan sebelum Penghospitalan

Pembayaran Balik Bayaran Munasabah dan Biasa untuk rundingan (termasuk ubat-ubatan) oleh Pakar Perubatan, Pengamal Perubatan atau Pakar, dan berkaitan secara langsung dengan Hilang Upaya yang sama sebelum Penghospitalan, sehingga tiga (3) kali untuk Mana-mana Satu (1) Hilang Upaya dan dalam tempoh bilangan hari maksimum dan tertakluk kepada Had pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Rundingan tersebut adalah Perlu Dari Segi Perubatan dan disyorkan secara bertulis oleh Pakar Perubatan, Pengamal Perubatan atau Pakar yang merawat.

Pembayaran tidak akan dibayar untuk sebarang rundingan, ujian diagnostik, perubatan dan rawatan setelah Penyakit itu didiagnosis atau tidak mengakibatkan Penghospitalan Orang yang Diinsuranskan.

(b) Prosedur Diagnostik sebelum Penghospitalan

Pembayaran Balik Bayaran Munasabah dan Biasa untuk ujian diagnostik yang Perlu Dari Segi Perubatan termasuk tetapi tidak terhad kepada Elektrokardiogram (ECG), sinar X dan ujian makmal dilakukan untuk tujuan diagnostik untuk Kecederaan Anggota Badan atau Penyakit yang berkaitan secara langsung dengan Hilang Upaya yang sama sebelum Penghospitalan dan bersama dengan rundingan sebelum Penghospitalan untuk Hilang Upaya yang sama, sehingga tiga (3) kali untuk Mana-mana Satu (1) Hilang Upaya dan dalam tempoh bilangan hari maksimum dan tertakluk kepada Had pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Ujian diagnostik mesti disyorkan oleh Pakar Perubatan atau Pakar yang sama yang memberikan rundingan sebelum Penghospitalan tersebut.

Pembayaran tidak akan dibayar untuk ujian diagnostik tersebut, sekiranya ia tidak mengakibatkan Penghospitalan bagi Orang yang Diinsuranskan. Pembayaran tidak akan dibayar untuk sebarang ujian diagnostik dan penyiasatan sekiranya ujian tersebut tidak terdapat di Malaysia.

9. (a) Penjagaan Selepas Penghospitalan

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa untuk rawatan susulan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar Perubatan atau Pakar bertugas yang sama selepas Pembedahan atau rawatan Pesakit Dalam, dalam tempoh bilangan hari maksimum dan tertakluk kepada Had pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sebaik sahaja selepas keluar dari Hospital untuk pembedahan atau bukan pembedahan Hilang Upaya. Ini termasuk Ubat Dipreskripsikan semasa rawatan susulan tetapi jumlah keseluruhan bekalan harus tidak melebihi bilangan hari maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

(b) Rawatan Fisioterapi

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa untuk rawatan fisioterapi Pesakit Luar yang Perlu Dari Segi Perubatan dan dirujuk secara bertulis oleh Pakar Perubatan atau Pakar bertugas yang sama selepas Pembedahan atau rawatan Pesakit Dalam, dalam tempoh bilangan hari maksimum dan tertakluk kepada Had pelan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Rawatan fisioterapi tersebut mesti dilakukan di Hospital yang sama di mana Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital. Walau bagaimanapun, pembayaran tidak akan dibayar untuk perubatan atau rawatan dan rundingan berikutnya dari Pakar Perubatan atau Pakar yang sama.



10. Rawatan Kemalangan dan Kecemasan

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung sehingga Had pelan yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, akibat Kecelakaan Anggota Badan yang timbul daripada Kemalangan sehingga tiga (3) kali untuk Mana-mana Satu (1) Hilang Upaya untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan sebagai Pesakit Luar di klinik berdaftar atau Hospital dengan syarat Orang yang Diinsuranskan menerima rawatan pertama yang Perlu Dari Segi Perubatan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari tarikh Kemalangan yang menyebabkan Kecelakaan Anggota Badan.

Jika kecederaan pada gigi semula jadi akibat Kemalangan, Kami akan membayar balik caj bagi rawatan Pergigian untuk melegakan kesakitan tidak termasuk prosedur pemulihan seperti pengkoronaan, merapatkan, serta rawatan kanal akar.

C. Bahagian C: Manfaat Khas

11. Ganjaran Tanpa Tuntutan

Jika Anda tidak membuat sebarang tuntutan di bawah Polisi ini untuk sekurang-kurangnya satu (1) Tahun Polisi, Anda layak untuk menerima Ganjaran Tanpa Tuntutan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat pada akhir Tahun Polisi. Pembayaran Ganjaran Tanpa Tuntutan akan diproses dalam tempoh enam puluh (60) hari dari akhir Tahun Polisi. Manfaat ini akan dibayar kepada Anda dalam persamaan tunai seperti tetapi tidak terhad kepada e-baucar atau baucar tunai. Kaedah pembayaran manfaat ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan ditentukan oleh Kami, bagaimanapun, jumlah yang perlu dibayar untuk manfaat ini tidak akan dikurangkan.

Sebaik sahaja terdapat sebarang tuntutan dibuat di bawah Polisi ini, Ganjaran Tanpa Tuntutan pada Tahun Polisi tersebut akan tamat. Anda akan layak untuk Ganjaran Tanpa Tuntutan semula jika tiada tuntutan dibuat untuk Tahun Polisi berikutnya.

Manfaat ini tidak tertakluk kepada Deduktibel dan Had Tahunan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Jika tuntutan yang layak daripada Tahun Polisi sebelumnya didaftarkan selepas Ganjaran Tanpa Tuntutan telah dibayar, Kami berhak untuk menolak amaun Ganjaran Tanpa Tuntutan untuk Tahun Polisi yang sepadan daripada Anda.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi mana-mana Penghospitalan, Pembedahan atau bayaran yang ditanggung disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian berikut:

1. Penyakit Sedia Ada;
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam Tempoh Menunggu;
3. Apa-apa Hilang Upaya, keadaan perubatan atau fizikal serta tanda dan simptomnya yang berlaku dalam Tempoh Menunggu, kecuali untuk Kecelakaan akibat Kemalangan;
4. Berkhatan, pemeriksaan mata, Pembedahan pembiasan atau prosedur pembedahan untuk gangguan penglihatan kerana astigmatisme, rabun jauh atau rabun dekat (Keratotomy Radial atau Lasik), cermin mata atau kanta lekak, kanta intraokular (kecuali kanta intraokular monofokal dalam Pembedahan katarak), Ultrabunyi Fokus Intensiti Tinggi (HIFU), rhizolisis, Pembedahan robotik yang membantu prosedur Pembedahan dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya;
5. Keadaan gigi termasuk Rawatan Pergigian atau Pembedahan oral kecuali yang diperlukan kerana Kecelakaan akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku semasa tempoh insurans;
6. Kejururawatan peribadi, rehat pulih atau penjagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, keracunan, pemandulan, Penyakit venereal dan Penyakit sampingannya, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks berkaitan AIDS (ARC) dan Penyakit berkaitan Virus Kekurangan Imunitas Manusia (HIV), dan apa-apa Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang (Pengecualian ini tidak terpakai untuk sebarang Penghospitalan, Pembedahan, bayaran yang ditanggung atau kematian, yang mana berkenaan, akibat Penyakit Koronavirus (COVID-19));
7. Apa-apa rawatan atau operasi Pembedahan untuk Keadaan Kongenital atau keabnormalan termasuk penyakit keturunan;
8. Kehamilan, keadaan berkaitan dengan kehamilan atau komplikasinya, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara Pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta Pembedahan pranatal atau postnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, disfungsi erektal dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pemandulan;
9. Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am yang tidak berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan rawatan atau diagnosis bagi Hilang Upaya yang dilindungi, apa-apa rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan, ujian dan penyiasatan yang dilakukan untuk tujuan mengecualikan diagnosis selain daripada diagnosis akhir di mana rawatan akhir diberikan, apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan apa-apa rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambahkan berat badan atau Pembedahan bariatrik;

10. Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau Kecelakaan diri yang disengajakan semasa siuman atau tidak siuman;
11. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan, kekecohan awam atau penderhakaan tentera;
12. Pencemaran kimia atau biologikal, sinaran pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
13. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya;
14. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon, terapi plasenta/serum, terapi kelasi dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang dan rawatan pakar herba, perubatan tradisional dan komplementari (kecuali ditentukan sebaliknya), ubat tambahan, vitamin, herba pemakanan, urut atau aromaterapi atau rawatan alternatif yang lain;
15. Penjagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang yang Diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul akibat tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah kontrak insurans pampasan pekerja;
16. Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik) dan apa-apa keadaan lain yang dikelaskan di dalam Manual Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (Kod DSM-IV) yang diterbitkan oleh Persatuan Psikiatri Amerika;
17. Kos/belanja perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;
18. Sakit atau Kecelakaan yang timbul akibat apa-apa jenis perlumbaan (kecuali lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang;
19. Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual dan berlesen untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
20. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina;
21. Sebarang rawatan yang tertumpu kepada kelewatan perkembangan dan/atau masalah pembelajaran Orang yang Diinsuranskan;
22. Sebarang rawatan yang hanya menawarkan kelegaan sementara bagi simptom-simptom, pada mana-mana Penyakit jangka panjang berbanding dengan menguruskan keadaan perubatan yang sebenar;
23. Sebarang ujian diagnostik, prosedur, ujian darah, penyiasatan atau pemeriksaan yang tidak berkaitan langsung dengan diagnosis akhir dan rawatan untuk Hilang Upaya yang dilindungi; atau
24. Pembedahan atau rawatan kosmetik/estetik/plastik, atau rawatan yang berkaitan atau diperlukan kerana rawatan kosmetik sebelumnya. Walau bagaimanapun, Kami akan membayar untuk Pembedahan pembentukan semula jika:
 - (a) ia dijalankan untuk mengembalikan fungsi atau rupa selepas Kemalangan atau Pembedahan berikutan daripada keadaan perubatan, dengan syarat bahawa Orang yang Diinsuranskan dilindungi secara berterusan di bawah Tambahan ini sejak sebelum Kemalangan atau Pembedahan berlaku;
 - (b) dilakukan pada peringkat perubatan yang sesuai selepas Kemalangan atau Pembedahan; dan
 - (c) Kami bersetuju secara bertulis, untuk kos rawatan sebelum ianya dilakukan.

"Bahagian lain halaman ini sengaja dikosongkan"

LAMPIRAN: KADAR PREMIUM

Ilustrasi kadar premium di bawah terpakai untuk risiko standard. Kadar premium bagi Umur 56 hingga 79 adalah untuk pembaharuan sahaja.

Untuk pelan individu:

Umur Tercapai (Hari Lahir yang Terakhir)	Pelan 150		Pelan 100		Pelan 50		Pelan 20	
	Premium Bulanan (RM)	Premium Tahunan (RM)	Premium Bulanan (RM)	Premium Tahunan (RM)	Premium Bulanan (RM)	Premium Tahunan (RM)	Premium Bulanan (RM)	Premium Tahunan (RM)
0 – 5	73.06	833.00	72.45	826.00	65.96	752.00	62.71	715.00
6 – 15	40.78	465.00	39.99	456.00	36.75	419.00	34.64	395.00
16 – 19	40.78	465.00	39.99	456.00	36.75	419.00	34.64	395.00
20 – 24	41.75	476.00	40.35	460.00	38.24	436.00	34.99	399.00
25 – 29	41.75	476.00	40.35	460.00	38.24	436.00	34.99	399.00
30 – 34	44.56	508.00	42.45	484.00	40.35	460.00	37.19	424.00
35 – 39	44.99	513.00	43.33	494.00	40.70	464.00	37.54	428.00
40 – 44	55.52	633.00	53.06	605.00	49.82	568.00	46.57	531.00
45 – 49	92.54	1,055.00	89.21	1,017.00	83.24	949.00	76.75	875.00
50 – 54	130.35	1,486.00	125.43	1,430.00	118.85	1,355.00	108.06	1,232.00
55 – 59	240.26	2,739.00	227.98	2,599.00	214.99	2,451.00	199.91	2,279.00
60 – 64	345.70	3,941.00	333.33	3,800.00	314.73	3,588.00	287.36	3,276.00
65 – 69	520.26	5,931.00	500.52	5,706.00	471.92	5,380.00	431.05	4,914.00
70 – 74	520.26	5,931.00	500.52	5,706.00	471.92	5,380.00	431.05	4,914.00
75 – 79	520.26	5,931.00	500.52	5,706.00	471.92	5,380.00	431.05	4,914.00

Untuk pelan keluarga:

Umur Tercapai (Hari Lahir yang Terakhir)	Pelan 150		Pelan 100		Pelan 50		Pelan 20	
	Premium Bulanan (RM)	Premium Tahunan (RM)	Premium Bulanan (RM)	Premium Tahunan (RM)	Premium Bulanan (RM)	Premium Tahunan (RM)	Premium Tahunan (RM)	Premium Bulanan (RM)
0 – 5	69.47	792.00	68.85	785.00	62.71	715.00	59.64	680.00
6 – 15	38.77	442.00	38.07	434.00	34.99	399.00	32.98	376.00
16 – 19	38.77	442.00	38.07	434.00	34.99	399.00	32.98	376.00
20 – 24	39.73	453.00	38.33	437.00	36.40	415.00	33.33	380.00
25 – 29	39.73	453.00	38.33	437.00	36.40	415.00	33.33	380.00
30 – 34	42.36	483.00	40.35	460.00	38.33	437.00	35.35	403.00
35 – 39	42.80	488.00	41.22	470.00	38.68	441.00	35.70	407.00
40 – 44	52.80	602.00	50.43	575.00	47.36	540.00	44.29	505.00
45 – 49	87.98	1,003.00	84.82	967.00	79.12	902.00	72.98	832.00
50 – 54	123.85	1,412.00	119.21	1,359.00	112.98	1,288.00	102.71	1,171.00
55 – 59	228.33	2,603.00	216.66	2,470.00	204.29	2,329.00	189.99	2,166.00
60 – 64	328.41	3,744.00	316.66	3,610.00	299.03	3,409.00	273.06	3,113.00
65 – 69	494.29	5,635.00	475.52	5,421.00	448.33	5,111.00	409.56	4,669.00
70 – 74	494.29	5,635.00	475.52	5,421.00	448.33	5,111.00	409.56	4,669.00
75 – 79	494.29	5,635.00	475.52	5,421.00	448.33	5,111.00	409.56	4,669.00

“Bahagian lain halaman ini sengaja dikosongkan”